

LID diterus walaupun PM berundur tahun depan

BH 3 AUG 2002

LANGKAWI, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang dimulakannya tujuh tahun lalu akan diteruskan walaupun selepas beliau meletakkan jawatan Oktober tahun depan.

Perdana Menteri berkata, dialog perkongsian pintar yang mengumpul pemimpin, pegawai kerajaan dan swasta itu akan diteruskan, tetapi terpujang kepada Perdana Menteri yang baru menentukan hala tujunya.

"Ya, LID akan diteruskan, saya harap," katanya kepada pemberita sebelum sesi perbincangan petang dialog perkongsian pintar antarabangsa Global 2002-LID disambung semula se-



Laporan Khaidir Abdul Majid, Wan Jailani Razak,
Wan Hazmir Bakar dan Badrila Jamlus

lepas berhenti rehat untuk solat Jumaat.

Beliau diminta mengulas gesaan ketua negara/kerajaan dialog ini yang meminta Perdana Menteri meneruskan khidmatnya selepas meletakkan jawatan pada Oktober 2003.

Dr Mahathir mengu-

mumkan peletakan semua jawatan dalam kerajaan dan parti pada Perhimpunan Agung Umno 22 Jun lalu tetapi berjaya dipujuk supaya menarik balik keputusan.

Berikutan itu, formula peralihan kuasa dipersetujui dengan Perdana Men-

teri akan terus memegang jawatan sehingga mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dijadualkan pada Oktober tahun depan.

Dr Mahathir menamakan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti

Ketika diminta mengulas gesaan ketua negara/kerajaan meminta Perdana Menteri meneruskan khidmatnya selepas bersara, Dr Mahathir berkata beliau sedia berbuat demikian sebagai ahli biasa dialog itu.

"Ya, saya akan hadir juga...saya akan menyertai-

nya sebagai ahli biasa," katanya.

Perdana Menteri kemudian mengadakan perbincangan dua hala dengan Menteri Luar Mongolia, Kuvsan Erdenechuluun.

Pagi ini Perdana Menteri mengadakan dua perbincangan dua hala berasingan,

iaitu dengan Presiden Rwanda, Paul Kagame, diikuti Naib Presiden Seychelles, James Alix Michel.

Ketika sesi dialog berhenti rehat, Perdana Menteri menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Ehsan, di Kedawang.